

20 FEB 2001

Samy-Gaji

PENOREH GETAH TIDAK PATUT DAPAT KURANG DARIPADA PEMETIK BUAH, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia perlu memastikan penoreh getah dan pekerja kilang getah menerima tidak kurang daripada RM325 sebagai gaji minimum bulanan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau telah memberikan taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kadar gaji minimum bagi pekerja ladang getah yang masih belum diselesaikan.

Gaji minimum bulanan sebanyak RM325 telah diluluskan bagi pemetik buah kelapa sawit.

"Dr Mahathir simpati dengan masalah pekerja ladang," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan wang tunai RM222,500 dan pelbagai barangan daripada kumpulan syarikat United Engineers Malaysia (UEM) dan Persatuan Logam dan Barang Lusuh India Malaysia bagi Tabung Gempa Bumi Gujarat di pejabatnya di sini hari ini.

Samy membangkitkan isu gaji bulan bagi pekerja ladang getah dengan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn minggu lepas.

Kementerian Sumber Manusia, dua minggu lepas, merumuskan isu gaji bulan bagi pemetik buah kelapa sawit selepas kejayaan rundingan dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan (NUWP).

Rundingan antara MAPA, NUPW dan Kementerian Sumber Manusia mengenai gaji bulanan bagi pekerja ladang getah tidak dijangka dapat diselesaikan semalaman, kata Samy.

Beliau juga berkata Dr Mahathir telah meminta Fong mengemukakan laporan mengenai isu itu dan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji perkara itu.

Beberapa isu perlu ditimbang sebelum persetujuan mengenai gaji bulanan dicapai antara MAPA dan NUPW bagi pekerja ladang getah.

Samy juga menyelar terbitan terbaru Aliran, sebuah majalah pertubuhan bukan kerajaan, yang menuduh beliau tidak berbuat secukupnya bagi masyarakat India.

"Majalah itu menyatakan bahawa situasi sekarang yang dihadapi oleh masyarakat India di sini adalah disebabkan oleh MIC. Artikel mereka dipenuhi dengan tuduhan terhadap MIC," katanya.

Samy, yang juga merupakan Presiden MIC berkata Aliran adalah sebuah majalah yang berat sebelah yang tidak menyebarkan kebenaran tetapi mendakwa berjuang bagi keadilan.

-- BERNAMA

DC AHH RHM